



LAPORAN KAJIAN

KOMUNITI RENTAN & **PANDEMIK** DI SABAH



ISI KANDUNGAN

<i>Ringkasan Kajian</i>	1
<i>I. Hasil Kajian</i>	
<i>A. Metodologi</i>	2
<i>B. Demografi</i>	3
<i>C. Cabaran Pandemik</i>	5
<i>D. Sumber Kewangan</i>	8
<i>E. Covid-19</i>	9
<i>F. Inisiatif Jika Sakit</i>	11
<i>G. Vaksin Covid-19</i>	12
<i>H. Penutup</i>	14
<i>II. Lampiran</i>	15

Laporan ini disediakan oleh:

Asrin Utong
Suardy M.Natsir

Dibantu oleh pengkaji lapangan:

Randy Kevin
Wadzkir Abdul Hamid
Usman Ibrahim
Norleha Taupik
Suardy M.Natsir
Asrin Utong

Kajian ini dijalankan sepenuhnya oleh Cahaya Society disokong oleh komuniti cahaya daripada Teratak Ilmu, Opak Lestari dan Cita Budi. Gambar muka depan adalah hak cipta Cahaya Society.

RINGKASAN

Kajian yang kita jalankan tidak bersifat akademik melainkan hanya kompilasi data dan maklumat di lapangan terkait komuniti cahaya sekaligus komuniti rentan di Sandakan, Sabah. Segala dapatan data kajian ini samaada menerusi soalan temubual dan pemerhatian lapangan adalah bertujuan untuk kegunaan bersama para NGO, organisasi masyarakat sivil, aktivis, akademik, agensi kerajaan dan semua pemegang taruh di Malaysia.

Kita cuba memastikan tiada siapa yang ditinggalkan di belakang dalam perang melawan pandemik yang menjejaskan kesihatan dan ekonomi semua orang ini. Segala cabaran hendaklah ditangani bersama dengan informasi yang tepat, koordinasi kerja yang kemas serta kepedulian yang tinggi dalam masyarakat.

Seluruh jawatankuasa kajian mengalu-alukan semua pihak untuk sama-sama menggunakan data ini untuk tujuan pembangunan komuniti rentan di Sabah.

A. METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dalam bentuk temubual dengan mengambil data ringkas seperti umur, jantina dan lain-lain. Berikut adalah ringkasan sampel kajian berkaitan responden, lokaliti, pengkaji lapangan dan tempoh kajian.



157 RESPONDEN



4 LOKALITI





6 PENKAJI LAPANGAN




TEMPOH 3 MINGGU

B. DEMOGRAFI


Pemilihan subjek adalah kalangan komuniti advokasi cahaya sekaligus komuniti rentan di pulau, setinggian, dan pekan kecil iaitu Cahaya Learning Centre (25), Teratak Ilmu (40), Opak Lestari (15), dan Cita Budi (77).




UMUR



JANTINA




JENIS SURAT/DOKUMEN



C. CABARAN PANDEMIK


Perkara major yang kita cuba tinjau daripada kajian ini adalah memahami bentuk-bentuk cabaran yang dihadapi sepanjang pandemik terutamanya bagi komuniti yang tiada akses langsung kepada hak asas. Responden diberi kebebasan memilih lebih daripada satu cabaran namun meminta cabaran yang paling utama mereka hadapi sehari-hari.

Cabaran Semasa Pandemik



Kita mendapati majoriti responden iaitu lebih 50% daripadanya mengalami masalah kewangan. Perkara ini adalah berpunca daripada beberapa faktor yang menjadi pemerhatian utama dalam kajian ini iaitu pekerjaan. Sumber utama komuniti adalah gaji/upah atau perniagaan berdasarkan pendapatan harian. Walaupun begitu, pekerjaan dalam kalangan komuniti hatta sebelum pandemik adalah tidak menentu bahkan ada yang tidak mencukupi untuk menanggung tanggungan isi rumah.

Status pekerjaan adalah antara penyebab penting kepada masalah kewangan. Berikut adalah status pekerjaan responden;




"Dulu lakiku kerja kontrak kilang, tapi sekarang dikasi kurang pekerja kan, ndada sudahlah kerja. Terpaksa ke lautlah sekarang, memancing cari lokan" (Siti Zubaidah, 27)

"Mau dapat kerja sekarang ni susah bah, jadi apa seja kawan panggil kerja biar tidak pandai terpaksa bilang boleh. Kalau tidak, beginilah terus meminta bantuan sama NGO, malu juga aku rasa" (Razali Abd Hamid, 34)

"Aku dik, ndak kerja. Lakiku larikan dia dengan perempuan lain. Aku di sini sejalah sama anak-anakku. Berharap sama keluarga seja membagi" (Ula Salin, 50)

"Bantuan yang kamu bagi haritu masih ada lagi sebab kami buat bubur seja bah, jimat. Kalau dimasak jadi nasi memang boleh tahan 4 hari seja. Ramaikan kami satu rumah ini." (Rosnah, 29)

D. SUMBER KEWANGAN



Rata-rata melebihi 50% daripada komuniti bergantung kepada gaji/upah. Ini termasuklah berniaga runcitan, nelayan, upah mencuci pakaian, atau apa-apa sahaja yang menghasilkan wang. Selebihnya iaitu lain-lain adalah berhutang daripada jiran, saudara mara atau dibantu oleh lingkungan.

"Tiada kerja bah. Menghutang seja aku. Pigi kedai menghutang. Tapi tu kedai sekarang nda kasih aku berhutang sudah. Belum aku terbayar". (Munim, 38)

E. COVID19

Kefahaman tentang Covid-19 samaada sebagai sebuah penyakit berbahaya, tidak berbahaya atau yang lain daripadanya adalah data penting bagi mengenalpasti sejauh mana pengetahuan komuniti terhadap Covid-19.

Sumber mereka adalah kebanyakan daripada sosial media, perbualan, pengalaman lingkungan.

Kita mendapati bahawa majoriti 83 % komuniti menganggap Covid-19 sebagai penyakit yang bahaya (atau majoritinya menyebut sebagai mengancam nyawa).

Selebihnya, memilih untuk mengatakan bahawa tidak tahu berkaitan Covid-19 akibat kelekangan informasi (bahasa komuniti).

Kita percaya peranan informasi yang diterjemah dalam multibahasa adalah prioritas ketika ini. Memandangkan 40% daripada responden ketika kajian ini dijalankan tidak dapat berbahasa melayu dengan lancar.

Pandangan Terhadap Covid-19



"Aku ndatau baitu apa Covid ni, tiada bah tv kami di rumah, aku mendengar cerita jiran ku seja" (Muning, 51)

"Bahaya bah. Penyakit korona ni bukan seja menyerang manusia, haiwan yang aku pelihara pun mati juga dikerjakannya" (Zulkin, 48)

"Betul kaitu Covid ni? bukan dibuat-buatkan Encik?" (Ruji, 31)

F. INISIATIF JIKA SAKIT

Kita juga cuba memahami inisiatif yang diambil oleh komuniti ketika sakit memandangkan kebanyakan daripada mereka tidak memiliki akses asas kesihatan terutama ketika pandemik ini, stereotaip bahawa sakit itu adalah terjangkau Covid-19 lebih tinggi dalam kalangan komuniti. Kita mendapati, majoriti akan mengambil ubat berbanding berjumpa doktor atau membuat rawatan tradisional.

Perkara Yang Dilakukan Sekiranya Sakit




G. VAKSIN COVID-19

Adakah Anda Berminat Sekiranya Divaksin?



Adakah Anda Berminat Sekiranya Anak/Jagaan Divaksin?



Kita turut melihat pandangan komuniti jika mereka bersetuju/rela untuk divaksin sekaligus anak mereka yang merupakan pelajar di Pusat Pembelajaran Alternatif. **Pandangan ini dikumpul sebelum keputusan membenarkan komuniti migran/pelarian dan bukan warganegara dibenarkan untuk walk-in di beberapa PPV di seluruh Sabah.**

Walaupun begitu, kami mendapati rata-rata mereka yang tidak mahu divaksin adalah risau akan keselamatan (ditahan), pengalaman berhadapan intimidasi pihak berkuasa dan ancaman lain.

Selain daripada informasi palsu, isu bahasa dan pengangkutan (bagi yang tinggal di tempat tiada akses termasuk pulau).

"Vaksin ni terpaksa ambil, kalau tidak nanti tidak boleh kerja, masuk kedai. Jadi ikut sejalah" (Nazmi, 20)

"Kalau vaksin untuk anak-anak tu mungkin belum lagilah sebab durang masih kecil. Ndak saya berani kalau durang sakit. Susah bah duit sekarang" (Sue, 40)

H. PENUTUP

Terima kasih atas dukungan semua orang termasuk komuniti cahaya dan para penyelia komuniti memberikan izin untuk kajian ini dilaksanakan atas kapasiti NGO.

Segala kekurangan dalam dapatan kajian ini adalah kelompongan metod jawatankuasa kajian. Sebarang penambahbaikan daripada pihak ketiga amatlah kami berbesar hati. Semoga kita semua mencari jalan untuk membantu komuniti rentan yang terjejas akibat pandemik samaada diperingkat NGO, pembuat dasar dan pemegang taruh.

Berikut adalah rekomendasi kepada pihak yang berkenaan;

- 1. Memastikan informasi tentang Covid-19 dan vaksin bersifat multi-bahasa melibatkan bahasa pengantar komuniti.**
- 2. Membenarkan NGO menjalankan misi bantuan tanpa birokrasi yang sulit.**
- 3. Menjamin tiada intimidasi, ancaman dan perlecehan ke atas bukan warganegara di semua PPV.**







A woman with dark hair, wearing a blue and white plaid shirt, is seen from the side, kneeling on a concrete surface. She is washing clothes in a large blue plastic tub. In the background, there is a wooden structure and a person standing near a window with white curtains. The scene is brightly lit, suggesting an outdoor or semi-outdoor setting.

**TERIMA KASIH!
MAGSUKUL!**

**SEBARANG CADANGAN, PANDANGAN, KRITIKAN SILA EMAIL KE
CAHAYASOCIETY@GMAIL.COM**